

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMPUT]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kegagalan menggunakan peruntukan RM30 juta yang telah diperuntukkan bagi tahun 2020 dan 2021 yang mewujudkan taska di tempat kerja bagi agensi Kerajaan terutamanya untuk golongan *frontliners* seperti doktor, jururawat, polis dan guru sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa menyambut baik inisiatif kerajaan yang dapat mempertingkatkan industri pengasuhan di Malaysia bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak di TASKA.

Belanjawan 2020 dan 2021 menyediakan peruntukan masing-masing berjumlah RM30 juta bagi menambah bilangan TASKA di bangunan kerajaan. Bagi memastikan semua kementerian dan kerajaan negeri mempunyai ruang dan peluang untuk memohon Geran Penubuhan TTKA ini, Kementerian ini telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. **Menghantar surat tawaran bagi permohonan geran TTKA kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri** pada bulan Disember sebaik sahaja Cadangan Bajet diluluskan.
- ii. **Mengadakan taklimat permohonan geran dan penubuhan TASKA di Tempat Kerja** kepada semua agensi kerajaan persekutuan dan negeri pada 24 Disember 2020.
- iii. **Tempoh permohonan geran juga dibuka selama 5 bulan** mulai Disember sehingga April.
- iv. **Taklimat turut diadakan di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri** kepada semua agensi kerajaan berserta khidmat nasihat dari semasa ke semasa kepada yang berminat untuk memohon geran dan menubuhkan TASKA di Tempat Kerja.

Pada tahun 2020, sebanyak dua kali Mesyuarat Pengurusan dan Penilaian Geran Penubuhan TASKA di Tempat Kerja telah diadakan untuk meluluskan permohonan geran dari Kementerian dan Kerajaan Negeri. Hasil mesyuarat, sebanyak 30 agensi kerajaan diluluskan geran penubuhan dengan peruntukan RM4.646 juta (RM4,646,529.00).

Pada tahun 2021, Mesyuarat Pengurusan dan Penilaian Geran Penubuhan TASKA di Tempat Kerja telah dilaksanakan sebanyak tiga kali

dan telah meluluskan 72 permohonan oleh agensi kerajaan dengan peruntukan berjumlah RM6.995 juta. Pecahan kelulusan adalah melibatkan 30 TASKA baharu ditubuhkan dengan nilai RM4.364 juta dan penyelenggaraan 42 buah TASKA sedia ada dengan jumlah RM2.63 juta. Pemberian geran bagi penyelenggaraan TASKA sedia ada adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan dan merangsang perkembangan menyeluruh kanak-kanak yang berada di TASKA.

Walau bagaimanapun, permohonan yang diterima adalah tidak mencapai sasaran disebabkan perkara-perkara berikut:

- i. **Kesediaan Kementerian dalam penubuhan TASKA di Tempat Kerja.** Pengurusan Geran TASKA di Tempat Kerja adalah berdasarkan permohonan oleh kementerian lain. Terdapat kementerian yang belum bersedia untuk mengemukakan permohonan kerana ketiadaan ruang bagi penubuhan TASKA di premis kerajaan kerana premis bangunan pejabat yang lama tidak disediakan ruang khas dan tidak mempunyai ruang yang mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan TASKA serta tiada permintaan dari kalangan kakitangan agensi kerana penghantaran anak-anak ke TASKA yang berhampiran tempat tinggal adalah lebih mudah.
- ii. **Perintah Kawalan Pergerakan** ini merupakan satu kekangan untuk pelaksanaan penubuhan TASKA di Tempat Kerja kerana kerja-kerja penubuhan dan penyelenggaraan terpaksa ditangguhkan mengikut SOP Pelan Pemulihan Negara yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Ini menyebabkan terdapat agensi kerajaan yang memulangkan peruntukan yang telah diluluskan kerana tidak dapat dibelanjakan dalam tahun semasa; dan
- iii. **Kelulusan penubuhan sesebuah TASKA di Tempat Kerja juga melibatkan beberapa agensi teknikal** dalam memenuhi tatacara Penubuhan TASKA di premis kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan melalui semua talian dan saluran bagi tahun 2018, 2019, 2020 dan sehingga kini mengikut pecahan bulan dan negeri dan bilangan kes NFA, dituduh di mahkamah, pertuduhan ditarik balik, pelaku dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA), pelaku disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh dan pelaku mengaku salah dan dihukum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2018 hingga 2021 ialah sebanyak **3,157 kes**. Jumlah kes keganasan rumah tangga mengikut jantina dari tahun 2018 hingga Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	2018			2019			2020			Ogos 2021			Jumlah		JUMLAH
	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	
Selangor	15	114	129	27	135	162	38	284	322	13	262	275	93	795	888
Kedah	7	67	74	1	73	74	15	110	125	8	67	75	31	317	348
Kelantan	0	12	12	0	34	34	14	149	163	0	88	88	14	283	297
Pahang	4	87	91	7	97	104	4	33	37	4	47	51	19	264	283
Pulau Pinang	7	58	65	1	46	47	11	77	88	8	57	65	27	238	265
Perak	0	22	22	0	36	36	2	59	61	4	52	56	6	169	175
Johor	4	10	14	4	31	35	10	44	54	5	54	59	23	139	162
Negeri Sembilan	10	27	37	2	28	30	1	41	42	0	43	43	13	139	152
Sabah	0	52	52	1	39	40	0	28	28	0	29	29	1	148	149
Sarawak	0	19	19	1	46	47	0	37	37	2	40	42	3	142	145
W.P. Kuala Lumpur	0	27	27	2	34	36	9	31	40	9	14	23	20	106	126
Melaka	2	41	43	0	21	21	2	29	31	2	22	24	6	113	119
Terengganu	0	11	11	0	4	4	2	4	6	0	0	0	2	19	21
W.P. Putrajaya	1	5	6	0	3	3	0	6	6	0	3	3	1	17	18
Perlis	0	0	0	0	0	0	0	5	5	0	1	1	0	6	6
W.P. Labuan	0	0	0	0	0	0	0	2	2	0	1	1	0	3	3
Jumlah	50	552	602	46	627	673	108	939	1,047	55	780	835	259	2,898	3,157
Jumlah Keseluruhan	602			673			1,047			835			3,157		

• Nota: L – Lelaki

P – Perempuan

J - Jumlah

SOALAN NO. : 39

Berdasarkan statistik **Talian Kasih 15999**, jumlah kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2018 hingga 2021 ialah sebanyak **2,650** kes. Jumlah kes keganasan rumah tangga mengikut jantina dan negeri dari tahun 2018 hingga 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	2018			2019			2020			Okt 2021			Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	
Selangor	0	301	301	5	89	94	6	263	269	11	307	318	22	960	982
Kedah	0	36	36	0	13	13	1	51	52	0	55	55	1	155	156
Kelantan	0	15	15	0	5	5	1	17	18	1	21	22	2	58	60
Pahang	0	20	20	0	7	7	0	20	20	0	31	31	0	78	78
Pulau Pinang	0	42	42	1	5	6	1	41	42	1	45	46	3	133	136
Perak	0	45	45	1	17	18	1	50	51	4	71	75	6	183	189
Johor	1	81	82	2	23	25	1	80	81	5	77	82	9	261	270
Negeri Sembilan	0	30	30	0	15	15	0	31	31	2	52	54	2	128	130
Sabah	0	11	11	0	2	2	1	21	22	2	25	37	3	69	72
Sarawak	0	11	11	0	5	5	1	11	12	0	20	20	1	47	48
W.P. Kuala Lumpur	0	151	151	0	34	34	2	98	100	6	89	95	8	372	380
Melaka	0	30	30	0	6	6	0	14	14	2	21	23	2	71	73
Terengganu	0	9	9	1	4	5	0	15	15	1	17	18	2	45	47
W.P. Putrajaya	0	7	7	0	0	0	0	6	6	0	6	6	0	19	19
Perlis	0	1	1	0	2	2	0	3	3	0	3	3	0	9	9
W.P. Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	1	1
Jumlah	1	790	791	10	227	237	15	721	736	35	851	886	61	2,589	2,650
Jumlah Keseluruhan	791			237			736			886			2,650		

• Nota: L – Lelaki

P – Perempuan

J - Jumlah

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Statistik Keganasan Rumah Tangga dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebanyak 1,513 kes Tiada Tindakan Lanjut (*No Further Action*, NFA) dicatatkan antara tahun 2018 sehingga September 2021.

Pada tahun 2018 mencatatkan sebanyak 628 kes NFA, 324 kes NFA pada tahun 2019, 135 kes NFA pada tahun 2020 dan sehingga September 2021 mencatatkan sebanyak 126 kes NFA bagi Kes Keganasan Rumah Tangga.

KONTINJEN POLIS	2018	2019	2020	Sept 2021
Perlis	14	19	1	3
Kedah	41	29	13	13
Pulau Pinang	42	46	5	5
Perak	72	38	9	9
Selangor	154	102	21	21
Kuala Lumpur	18	26	6	6
Negeri Sembilan	67	39	4	4
Melaka	1	12	5	5
Johor	38	102	16	31
Pahang	42	45	3	3
Terengganu	15	18	7	7
Kelantan	60	35	9	9
Sabah	53	45	5	5
Sarawak	11	68	31	5
JUMLAH	628	624	135	126
JUMLAH KESELURUHAN	1,513			

Tuan Yang di-Pertua

Menurut statistik dari Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, sebanyak 4,649 orang telah dituduh di mahkamah. Pada masa yang sama sebanyak 448 aduan/pertuduhan telah ditarik balik, seramai 1,264 orang telah dibebaskan tanpa dilepaskan (DNAA) dan 72 telah disabitkan kesalahan selepas dibicarakan serta seramai 2,180 pelaku telah mengaku kesalahan. Pecahan statistik PDRM adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes Dituduh Di Mahkamah	Pertuduhan Ditarik Balik (<i>Withdraw</i>)	Kes DNAA	Sabitkan Selepas Bicara Penuh	OKT Mengaku Salah
2018	826	83	268	15	446
2019	1,119	125	355	33	567
2020	1,375	152	387	20	670
Okt 2021	1,329	88	254	4	497
JUMLAH KESELURUHAN	4,649	448	1,264	72	2,180

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bersedia segerakan pindaan undang-undang sedia ada untuk menjadikan '*sexual grooming*' sebagai satu jenayah di Malaysia bagi mengelakkan kanak-kanak dan remaja di bawah umur daripada terus menjadi mangsa salah laku kegiatan terkutuk ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas kumpulan sasar kanak-kanak mengambil serius terhadap jenayah-jenayah seksual ke atas kanak-kanak dan memastikan supaya kanak-kanak diberi perlindungan berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 telah digubal bertujuan untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada kanak-kanak, melindungi kepentingan dan kebajikan kanak-kanak, serta mengadakan pencegahan yang berkesan bagi kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

Kesalahan pengantunan kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai *child grooming* telah pun dimasukkan ke dalam Akta tersebut dengan hukuman penjara maksimum 5 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat. Akta ini di bawah bidang kuasa Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM).

Sekian, terima kasih.